

Soalan No: 10

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[SELAYANG]**

**TARIKH : 2.11.2017**

**SOALAN :**

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menangani pembuli, geng, keganasan dan delinkuens juvenil di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pendidikan kami.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari bahawa masalah disiplin murid termasuk gejala buli dan gangster masih berlaku. Sejak dahulu, KPM serius menangani buli dan semua jenis disiplin serius melalui mekanisme pencegahan, penguatkuasaan peraturan sekolah, intervensi kepada mangsa dan menjalinkan kerjasama padu dengan semua pihak. Pihak sekolah telah diberi peringatan melalui surat-surat pekeliling dan garis panduan mencegah serta menangani buli dalam kalangan murid. Pelbagai program kesedaran gejala buli dilaksanakan secara bersepadu di dalam kurikulum, kokurikulum dan pembinaan sahsiah. Murid turut dilibatkan menjadi pembimbing rakan sebaya melalui kelab pakaian beruniform dan Kelab Pencegahan Jenayah

Sekolah. Sebagai langkah pengukuhan, Buku Panduan Pengurusan Menangani Buli di Sekolah telah diulang cetak pada tahun 2014 untuk edaran dan panduan pihak sekolah.

Dari segi penguatkuasaan peraturan sekolah, Jawatankuasa Disiplin Sekolah berperanan menjalankan siasatan dan mencadangkan hukuman dan langkah intervensi kepada pentadbir sekolah. Semua guru merupakan guru disiplin dan bertanggungjawab membentuk sahsiah murid di samping membudayakan konsep sekolah penyayang. Pihak sekolah turut mengadakan Mesyuarat Permuafakatan Sekolah melibatkan Pejabat Pendidikan Daerah, Persatuan Ibu Bapa dan Guru, polis, ibu bapa terlibat dan pihak berkepentingan yang lain. Hukuman keras seperti rotan dan buang sekolah merupakan langkah akhir bagi menjaga ketenteraman sekolah.

Selain daripada itu, Guru Bimbingan Kaunseling di sekolah juga dilengkapi dengan kemahiran seperti pengurusan stres dan menjalankan beberapa ujian personaliti seperti Ujian Personaliti TAJMA dan Ujian Personaliti SIDEK untuk mengenal pasti murid yang mempunyai personaliti yang cenderung kepada keganasan dan buli. KPM juga mempunyai Modul Kasih Guru dan Modul Kasih Keluarga yang boleh diaplikasikan oleh pihak sekolah untuk memupuk budaya amalan penyayang di sekolah yang secara tidak langsung mencegah kes buli dan keganasan remaja.